



---

**TATACARA PEROLEHAN  
UNIVERSITI**

---

**BAB 7**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN  
PERUNDING**

## **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Universiti hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas dan dasar-dasar perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dalam melaksanakan perolehan perkhidmatan perunding seperti berikut:
  - 1.1.1 Memastikan perolehan dibuat secara telus, adil dan saksama serta berasaskan nilai faedah yang terbaik;
  - 1.1.2 Menggalakkan perkembangan industri tempatan melalui penggunaan perkhidmatan tempatan;
  - 1.1.3 Memberi keutamaan kepada firma yang mempunyai penyertaan Bumiputera dan tempatan. Sekiranya kepakaran dalam bidang-bidang tertentu tidak dapat diperolehi di kalangan perunding tempatan, khidmat perunding asing boleh diperolehi secara *outsourcing* melalui firma perunding milik tempatan dengan kelulusan Perbendaharaan; dan
  - 1.1.4 Mendapatkan pemindahan teknologi dan kepakaran asing dengan tujuan meningkatkan industri tempatan.
- 1.2 Tatacara perkhidmatan perunding ini tidak akan digunakan untuk melaksanakan perolehan secara sebutharga.

## **2.0 KATEGORI PERKHIDMATAN PERUNDING**

Perkhidmatan Perunding bermaksud perkhidmatan kepakaran yang disediakan oleh firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan dikategorikan seperti berikut:

- 2.1 Perunding Fizikal adalah seperti berikut :
  - 2.1.1 Arkitek, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrikal, ukur bahan, perancang bandar dan desa, landskap, hiasan dalaman, akustik, alam sekitar dan lain-lain perkhidmatan teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan dan/atau projek pembinaan antaranya menyediakan reka bentuk terperinci, penyediaan dokumen tender dan lain-lain;
  - 2.1.2 Kerja-kerja ukur tanah dan kerja ukur khusus seperti *hydrography*, *aerial photogrammetry*, *remote sensing* dan lain-lain;
  - 2.1.3 Perkhidmatan penilaian fizikal seperti penilaian harta, audit & *assessment* dan lain-lain; dan
  - 2.1.4 Kajian-kajian fizikal yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan dan/atau projek pembinaan, antaranya kajian kemungkinan/kajian awalan kejuruteraan, kajian tebatan banjir/cerun, kajian rancangan tempatan/struktur, kajian *Environmental Impact Assessment (EIA)* dan lain-lain.

2.2 Perunding Bukan Fizikal adalah seperti berikut :

- 2.2.1 Kajian kemungkinan, kajian ekonomi, kajian penswastaan dan kajian-kajian lain;
  - 2.2.2 Kajian berkaitan pengurusan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan dan perakaunan, percuaian, pengurusan kualiti, perundangan, kerja-kerja audit kewangan, kerja-kerja audit pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang pengurusan lain; dan
  - 2.2.3 Perkhidmatan perunding lain mengikut kategori yang diperlukan oleh Universiti dan ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
- 2.3 Perkhidmatan perunding lain mengikut kategori yang diperlukan oleh Universiti dan ditentukan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa.

### **3.0 KUASA MELAKSANAKAN PROJEK**

Kuasa melaksanakan projek dan had nilai perkhidmatan perunding adalah tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari masa ke semasa.

### **4.0 MELANTIK PERUNDING BUMIPUTERA TEMPATAN**

Bagi projek yang tidak melebihi RM30 juta, Universiti hendaklah melantik perunding Bumiputera tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Kriteria perunding Bumiputera hendaklah selaras dengan Surat Pekeliling dan Pekeliling Perbendaharaan serta Dasar dan Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputra Dalam Perolehan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

### **5.0 KUASA MELANTIK DAN MELULUSKAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING**

- 5.1 Bagi tujuan pemilihan dan pelantikan perunding terdapat dua (2) pihak berkuasa melulus untuk melaksanakan tugas tersebut mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan seperti berikut:
  - 5.1.1 Kementerian Kewangan Malaysia
  - 5.1.2 Lembaga Perolehan Universiti
- 5.2 Had kuasa melantik dan meluluskan kos perkhidmatan perunding adalah seperti berikut:

<b>PBM</b>	<b>Had Nilai Kuasa Melulus PBM</b>
Lembaga Perolehan Universiti	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta</li><li>ii. Kos kajian sehingga RM5 juta</li><li>iii. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta</li></ul>
Kementerian Kewangan	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta</li><li>ii. Kos kajian melebihi RM5 juta</li><li>iii. Kos kerja ukur melebihi RM5 juta</li></ul>

## **6.0 KRITERIA PEMILIHAN PERUNDING**

Secara umumnya, Universiti yang memerlukan perkhidmatan perunding hendaklah membuat pemilihan perunding berasaskan kriteria-kriteria seperti berikut:-

- a. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan;
- b. keutamaan kepada perunding tempatan di lokasi projek/kajian berkenaan;
- c. keutamaan kepada perunding Bumiputera;
- d. pelantikan secara giliran (*rotation basis*);
- e. beban kerja semasa perunding;
- f. saiz dan keupayaan perunding bersesuaian dengan projek/kajian;
- g. kepakaran khusus;
- h. pengalaman dan prestasi firma perunding;
- i. lulus penilaian teknikal dan kewangan;
- j. kedudukan kewangan firma perunding; dan
- k. kriteria lain yang bersesuaian.

## **7.0 KAEDAH PELANTIKAN PERUNDING DAN HAD NILAI PEROLEHAN**

- 7.1 Sebelum Universiti melaksanakan sesuatu projek/kajian, Universiti hendaklah menentukan terlebih dahulu keperluan projek/kajian tersebut serta bidang dan skop perkhidmatan firma perunding yang diperlukan dengan mengambil kira keupayaan Universiti iaitu dari segi kepakaran dan pengetahuan kakitangan Universiti sedia ada.
- 7.2 Sebelum melaksanakan proses pemilihan firma perunding, Universiti hendaklah mendapatkan persetujuan daripada Naib Canselor ke atas keperluan penggunaan perkhidmatan perunding bagi melaksanakan sesuatu projek/kajian.
- 7.3 Pemilihan Firma perunding hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan tiga kaedah berikut:-
  - 7.3.1 Lantikan Terus Beserta Kos Siling;
  - 7.3.2 Tender Terbuka; atau
  - 7.3.3 Tender Terbuka Pra Kelayakan.

7.4 Had nilai kaedah perolehan perunding adalah seperti berikut:

#### 7.4.1 Lantikan Terus Beserta Kos Siling

Bil.	Kategori Projek	Had Nilai
1.	Projek Pembangunan Fizikal	Kos Projek sehingga RM50 juta
2.	Kajian Fizikal/Bukan Fizikal	Kos Kajian sehingga RM500 ribu
3.	Ukur Tanah & Lain-Lain Kerja Ukur	Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu

#### 7.4.2 Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan

Bil.	Kategori Projek	Had Nilai
1.	Projek Pembangunan Fizikal	Kos Projek melebihi RM50 juta
2.	Kajian Fizikal/Bukan Fizikal	Kos Kajian melebihi RM500 ribu
3.	Ukur Tanah & Lain-Lain Kerja Ukur	Kos Kerja Ukur melebihi RM500 ribu

### 8.0 KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

Kos perkhidmatan perunding mengandungi dua (2) komponen iaitu Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik.

#### 8.1 Yuran Perunding

Terdapat 2 kaedah bagi menentukan yuran perkhidmatan perunding iaitu Yuran Tetap (*Fixed Fee*) dan Input Masa (*Man-Month/Days*).

##### 8.1.1 Yuran Tetap (*Fixed Fee*)

- a. Universiti memutuskan yuran perunding adalah tetap sepanjang pelaksanaan projek sehingga projek siap. Yuran perunding yang dipersetujui tidak boleh berubah berdasarkan pertambahan nilai kontrak akhir (*final contract sum*).
- b. Kos perunding yang telah dipersetujui di dalam Surat Setuju Terima yang terdiri daripada yuran perunding, yuran penyeliaan tapak dan kos imbuhan balik hendaklah tetap sepanjang pelaksanaan tempoh projek yang telah ditetapkan kecuali jika terdapat sebarang Arahan Perubahan Kerja atau Lanjutan Tempoh Kontrak Pembinaan yang telah diluluskan oleh Universiti dan bukan disebabkan atas kesilapan perunding. Bagi keadaan dimana tempoh siap pembinaan projek dilanjutkan oleh Universiti dan melibatkan lanjutan tempoh perkhidmatan penyeliaan perunding di tapak pembinaan, pertambahan yuran penyeliaan tersebut secara

input masa dan kos imbuhan balik boleh dipertimbangkan. Semua kos imbuhan balik hendaklah dibuat berdasarkan bil sebenar dan tidak bercanggah dengan item dan had nilai yang dibenarkan.

- c. Pertambahan kos perunding yang disebabkan oleh perubahan harga kontrak kerja daripada anggaran kos projek asal, bayaran pertambahan kos perunding tersebut berdasarkan pengiraan Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees - SOF*) tidak lagi terpakai untuk semua projek fizikal Universiti mulai 15 September 2016.
- d. Walau bagaimanapun, sekiranya harga kontrak kerja yang telah disetujuterima oleh Universiti adalah lebih rendah daripada anggaran kos projek asal yang dijadikan asas untuk menentukan yuran perkhidmatan Perunding, Universiti berhak membuat pelarasian yuran perkhidmatan Perunding. Pelarasian yuran perkhidmatan Perunding bermaksud menurunkan yuran secara berkadarang mengikut harga kontrak kerja yang telah disetuju terima Universiti.
- e. Bagi pengiraan yuran perunding semasa tawaran harga dikemukakan kepada Universiti, perunding hendaklah menentukan yurannya berdasarkan mekanisma pengiraan yang kompetitif selain daripada SOF. Walau bagaimanapun, SOF tersebut (Akrtitek, Kejuruteraan, Ukur Tanah dan Ukur Bahan) bolehlah digunakan sebagai panduan sahaja dan Universiti tidak terikat untuk membuat bayaran yuran perunding berdasarkan pematuhan kepada SOF. Kos perunding yang telah dipersetujui melalui Surat Setuju Terima adalah merupakan harga muktamad Universiti kecuali jika terdapat arahan perubahan kerja yang diluluskan oleh Universiti dan bukan merupakan kesilapan perunding serta terdapat pelanjutan tempoh siap asal pembinaan yang melibatkan pelanjutan penyeliaan perunding di tapak pembinaan.
- f. Penetapan yuran perunding secara pukal tanpa butiran kos adalah tidak dibenarkan.
- g. Mana-mana kerja yang melibatkan pertambahan kos perunding disebabkan kesilapan/kecuaian perunding atau yang tidak selaras dengan obligasi kontrak, hendaklah ditanggung sendiri oleh perunding.

#### 8.1.2 Input Masa (Man-month)

- a. Kaedah penetapan yuran perunding secara input masa adalah berdasarkan time basis iaitu tempoh masa yang diperlukan bagi menyiapkan sesuatu projek/kajian Universiti. Tempoh ini hendaklah dinyatakan di dalam bentuk *man-month/man-day/man-hour* mengikut kesesuaian dari segi tempoh perunding menyempurnakan projek/kajian seperti berikut :

Input Masa	Tempoh Perunding Menyempurnakan Projek/Kajian
<b><i>man-month</i></b>	1 bulan dan ke atas (28 hari dan ke atas)
<b><i>man-day</i></b>	Kurang daripada 1 bulan (27 hari dan ke bawah)
<b><i>man-hour</i></b>	Kurang daripada 1 hari (8 jam dan ke bawah)

- b. Bagi perunding yang menawarkan bayaran secara *man-hour* atau *man-day*, Universiti hendaklah merundingkan kadar-kadar tersebut ke tahap yang paling minimum.
- c. Kaedah bayaran input masa ini hendaklah digunakan bagi keadaan seperti berikut:-
  - i. Semua kajian fizikal dan bukan fizikal; dan
  - ii. Penyeliaan tapak perunding (jika tempoh pembinaan asal di dalam kontrak telah berubah).

## 8.2 Kos Imbuhan Balik

Kos imbuhan balik (*reimbursable cost*) adalah lain-lain perbelanjaan (selain daripada yuran perunding) yang dilakukan bagi melaksanakan sesuatu projek. Ia merupakan perbelanjaan sebenar yang dibuat oleh pihak perunding mengikut kadar yang ditetapkan oleh Perbendaharaan dan tidak boleh digunakan bagi maksud meraih keuntungan.

## 9.0 BAYARAN CUKAI

- 9.1 Universiti hendaklah memastikan perunding mengambil kira semua unsur cukai semasa mengemukakan cadangan kewangan bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan. Cukai-cukai ini adalah termasuk Cukai Pegangan, Cukai Perkhidmatan dan lain-lain cukai mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 atau akta-akta lain yang sedang berkuat kuasa.
  - 9.1.1 Cukai Perkhidmatan adalah cukai yang dikenakan oleh pihak Kerajaan di atas penggunaan sesuatu perkhidmatan, termasuk perkhidmatan perunding. Kadar semasa Cukai Perkhidmatan ini adalah sebanyak 5% daripada jumlah yuran perunding dan elauan tapak (jika berkenaan) tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan oleh Kerajaan.
  - 9.1.2 Bagi perkhidmatan yang melibatkan guna tenaga asing, cukai yang dikenakan ialah Cukai Pegangan (*Withholding Tax*). Kadar semasa Cukai Pegangan adalah sebanyak 10% daripada jumlah yuran perunding tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan oleh Kerajaan.

## **10.0 PERKHIDMATAN FIRMA /PAKAR PERUNDING ASING**

- 10.1 Dasar Kerajaan telah menetapkan bahawa perkhidmatan firma perunding milik tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya. Sehubungan itu, Universiti tidak dibenarkan melantik firma perunding asing bagi mana-mana projek Kerajaan. Perolehan perkhidmatan kepakaran/perunding asing hanya boleh diperolehi jika tiada kepakaran tempatan. Walau bagaimanapun, perolehan perkhidmatan kepakaran/perunding asing hendaklah diperolehi secara *outsourcing* melalui firma perunding milik tempatan dan hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan terlebih dahulu.
- 10.2 Selaras dengan keputusan Sidang Majlis Keselamatan Negara Bil. 1/93 pada 15 Mac 1993, bagi projek yang dianggap sensitif (seperti keselamatan, pertahanan dan ekonomi) yang melibatkan perkhidmatan perunding asing, pihak Universiti dikehendaki melaporkan kepada Cawangan Khas Polis Di Raja Malaysia sebelum perlantikan dibuat bagi tujuan tapisan keselamatan.

## **11.0 LAPORAN KEPADA PERBENDAHARAAN**

- 11.1 Maklumat mengenai pelantikan perunding dan kos perkhidmatan perunding yang dimuktamadkan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan dalam tempoh **satu (1) minggu** selepas diluluskan oleh Lembaga Perolehan Universiti dengan menggunakan borang maklumat mengenai pelantikan perunding.
- 11.2 Laporan terakhir prestasi perkhidmatan perunding yang dilantik hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan dalam tempoh **satu (1) bulan** selepas tamat perkhidmatan perunding berkenaan.

## **12.0 PENGESANAN PRESTASI DAN PENENTUAN KUALITI**

- 12.1 Dalam menggunakan perkhidmatan perunding, Universiti hendaklah memberi perhatian kepada aspek pengesanan kualiti perkhidmatan (*performance monitoring and quality assurance*) yang diberikan seperti berikut:
  - 12.1.1 Menolak hasil kerja yang tidak menepati *Term of Reference* (TOR) atau tidak memenuhi kualiti yang ditetapkan (*sub-standard*);
  - 12.1.2 Menubuhkan Jawatankuasa Pemandu/Teknikal untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan dan penyeliaan terhadap kemajuan pelaksanaan projek; dan
  - 12.1.3 Mendapatkan laporan kemajuan secara berkala diperolehi daripada perunding bagi memastikan sistem maklum balas prestasi perkhidmatan perunding di peringkat Universiti sentiasa dikemaskini.
- 12.2 Universiti dikehendaki mengemukakan laporan prestasi perunding kepada Perbendaharaan mengikut jangka masa berikut:
  - 12.2.1 Sekali apabila projek/kajian selesai dilaksanakan bagi projek/kajian yang mengambil masa **enam (6) bulan** atau kurang; dan

- 12.2.2 setiap **tiga (3) bulan** sekali dari tarikh pelantikan perunding sehingga tamat bagi projek yang mengambil masa lebih dari **enam (6) bulan**.
- 12.3 Setiap laporan atau aduan berkaitan prestasi perunding merupakan maklumat terperingkat dan untuk kegunaan Lembaga Perolehan Universiti/Perbendaharaan sahaja. Bagi perunding yang menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan dan kegagalan perunding mematuhi obligasi dan/atau peraturan dalam kontrak, Universiti boleh memperakukan kepada Perbendaharaan untuk mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- 12.3.1 Memberi amaran kepada firma berkenaan;
  - 12.3.2 Menggantung pendaftaran firma berkenaan;
  - 12.3.3 Membatalkan pendaftaran firma berkenaan;
  - 12.3.4 Menyenaraihitam firma perunding;
  - 12.3.5 Menyenaraihitam pemilik/Lembaga Pengarah firma berkenaan; dan
  - 12.3.6 Tindakan-tindakan lain yang difikirkan sesuai.

### **13.0 PENUTUP**

Peraturan perolehan perkhidmatan perunding adalah tertakluk kepada pekeliling dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari masa ke semasa.